

31/12/2001

Negara kehilangan Raja berjiwa rakyat

Wan Hazmir Bakar; Magendran Rajagopal

TAHUN 2001 semestinya akan kekal dalam ingatan seluruh warga dunia dengan serangan luar biasa secara terancang oleh pengganas terhadap Amerika Syarikat menggunakan pesawat awam yang memusnahkan Pusat Dagangan Dunia (WTC) serta merosakkan Pentagon pada 11 September.

Namun bagi rakyat Malaysia, ia sebagai tahun negara kehilangan seorang raja berjiwa rakyat. Yang di-Pertuan Agong ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, mangkat pada 21 November lalu selepas gering selama dua bulan kerana masalah jantung.

Seri Paduka yang berusia 75 tahun, menghembuskan nafas terakhir pada jam 11.57 pagi di Pusat Rawatan Gleneagles Intan di ibu negara, selepas lima hari dalam keadaan tenat sehingga terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan dan mesin dialisis.

Seri Paduka menghadapi masalah lemah jantung serius sejak 6 Oktober dan diberi rawatan di Hospital Mount Elizabeth di Singapura selama lapan minggu, termasuk seminggu sebagai pesakit luar.

Bagaimanapun, sejak 15 Oktober, keadaan Seri Paduka semakin tenat apabila buah pinggangnya tidak berfungsi. Pada jam 5.30 pagi 18 November, baginda diterbangkan balik dari Singapura dan dimasukkan ke Pusat Rawatan Gleneagles Intan.

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11 pada 23 September 1999 untuk selama lima tahun, menggantikan Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang tamat tempoh sebagai ketua negara.

Almarhum adalah Sultan Selangor kedua dilantik Yang di-Pertuan Agong. Ayahandanya, Sultan Hisamuddin Alam Shah, dilantik Yang di-Pertuan Agong kedua, tetapi baginda mangkat beberapa jam sebelum berlangsungnya istiadat pertabalan pada 1 September 1960.

Berikutan itu, Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 dalam upacara penuh istiadat di Istana Negara.

Turut melafazkan sumpah memegang jawatan ialah Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Tahun 2001 juga menyaksikan perkembangan menarik di persada politik walaupun bahang pilihan raya umum lalu sudah lama menghilang seperti juga sokongan kepada parti pembangkang.

Sokongan rakyat terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) semakin mantap selepas parti pembangkang kecundang dalam pilihan raya negeri Sarawak.

BN mengukuhkan lagi kedudukan di Sarawak apabila gagasan itu menduduki 60 daripada 62 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya itu pada 28 September lalu.

Rekod itu adalah satu peningkatan daripada keputusan pilihan raya sebelum ini yang mana BN hanya memenangi 57 kerusi.

DAP, Pas, Parti Reformasi Sarawak (STAR) dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) terus gagal menembusi perisai BN Sarawak walaupun membayangkan akan memberi tentangan hebat.

Tarikh 3 Ogos 2001 pula menjadi detik hitam dalam sejarah MCA di mana Perhimpunan Agung Pemuda MCA ke 38 dimulakan dengan panggilan bom palsu dan diakhiri dengan pergaduhan apabila perwakilan mula membaling kerusi sesama mereka.

Insiden itu menyerlahkan keretakan hubungan antara Presiden MCA, Datuk

Seri Dr Ling Liong Sik, dan Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat, yang membesar sejak isu pengambilalihan Nanyang Siang Pau dan China Press oleh Huaren Holdings pada 24 Jun lalu.

Dalam pentadbiran kerajaan pula, peranan wanita semakin mendapat pengiktirafan apabila Datuk Shahrizat Abdul Jalil dilantik sebagai Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga pada Januari lalu.

Kementerian itu diwujudkan berikutan pindaan Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan, memansuhkan perbezaan berasaskan jantina yang disifatkan sebagai lembaran baru dalam perjuangan hak kaum wanita.

Bidang perundangan negara pula dikejutkan dengan kontroversi apabila beberapa penyelewengan dalam peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) didedahkan oleh beberapa calon peperiksaan itu.

Skandal yang mendedahkan bahawa kertas peperiksaan CLP dijual oleh pihak tertentu pada harga antara RM3,000 hingga RM5,000 dan kaedah pemberian markah juga dipertikaikan.

Antara lain, enam calon serta seorang kakitangan Lembaga Kelayakan ditahan bagi membantu siasatan manakala Pengarah CLP, Khalid Yusoff, diminta memberi keterangan kepada polis.

Tahun ini juga menyaksikan negara kehilangan seorang sasterawan unggul apabila Datuk Usman Awang meninggal dunia pada jam 12.35 pagi 29 November.

Beliau yang pernah menerima anugerah Sasterawan Negara, menerbitkan pelbagai hasil penulisan dan ada antaranya diterjemah ke bahasa inggeris, Perancis, Itali, Cina dan Arab.

Beliau yang lebih dikenali dengan nama Tongkat Waran dikebumikan di sebelah kubur isterinya di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara.

Tahun ini juga tidak ketinggalan dengan berita sensasinya apabila akhbar The Sun melaporkan ada sumber melaporkan mengenai wujudnya pakatan untuk membunuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaimanapun, selepas siasatan lanjut dilakukan, laporan muka depan The Sun itu didapati tidak mempunyai asas berhubung dakwaan berkenaan dan tidak sepatutnya disiarkan.

Ekoran itu, akhbar berkenaan memohon maaf kepada Dr Mahathir dan Abdullah, berhubung laporan ada pakatan membunuh mereka.

Sehubungan itu, Pengarah Eksekutif, Hng Hung Yong, yang juga Ketua Pengarang Sun Media Corporation Sdn Bhd yang menerbitkan akhbar The Sun, meletak jawatan manakala Ketua Pengarang Berita, Robert Ho serta wartawan yang menulis berita berkenaan digantung kerja oleh majikan mereka sehingga siasatan selesai.

(END)